

18 JUL 1997

BAKTI DERMA RM555,500 KEPADA KEBAJIKAN

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) hari ini menyumbangkan sejumlah RM555,500 bagi tiga kes kebajikan termasuk untuk rawatan 30 penghidap AIDS hari ini.

Sumbangan telah disampaikan oleh Naib Pengerusi BAKTI, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, di Sri Perdana.

Puan Zarina Sultan, 34, dari Kampung Baru di sini menerima sumbangan RM5,500 bagi perubatan anak sulungnya, Mohamad Zanel Ibrahim, 10, yang mengidap penyakit Thalasemia.

Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, menerima cek bernilai RM500,000 bagi 30 penghidap AIDS yang memerlukan rawatan terapi dan perubatan.

Sejumlah RM50,000 disumbangkan kepada "Jawatankuasa Pemandu Serantau Mengenai Pembangunan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Pulau Asia Pasifik" (RSC-AP) yang berusaha menghapuskan kemiskinan di kalangan wanita luar bandar dan kepulauan Asia Pasifik.

Cek itu diterima oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Zainol Arif. RSC-AP akan menganjurkan satu bengkel di Sungai Petani dari 2 hingga 9 Ogos ini.

-- BERNAMA

NMZ PR